



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld.XVI (11)

5 Julai 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 11/2000:
Membanteras Jenayah Di Kalangan Murid Sekolah

Masalah jenayah yang melibatkan murid sekolah, sama ada sebagai pelaku jenayah atau mangsa perlakuan jenayah telah menjadi suatu perkara yang sering dihebahkan dan dilaporkan secara meluas dalam akhbar-akhbar dan media massa. Kenyataan dan laporan yang dibuat sejak akhir-akhir ini memberi gambaran bahawa kes-kes jenayah yang melibatkan murid sekolah adalah sangat serius dan di luar kawalan pihak sekolah.

2. Laporan Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman menunjukkan bahawa jumlah kesalahan jenayah yang melibatkan juvana berumur antara 10 hingga 18 tahun meningkat setiap tahun dan keadaan ini perlu dibanteras sebelum ia menular secara meluas di peringkat sekolah.

3. Sebelum ini Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan pelbagai saranan dan syor untuk diambil perhatian dan dilaksanakan di sekolah-sekolah bagi tujuan mencegah murid daripada terlibat dengan jenayah. Kementerian Pendidikan Malaysia percaya sekolah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menangani masalah disiplin, terutamanya perlakuan berunsur jenayah di kalangan pelajar. Namun demikian, keadaan yang digambarkan oleh media massa seakan menunjukkan bahawa segala usaha yang dilakukan seolah-olah tidak mendatangkan hasil. Permasalahan ini semakin kerap berlaku dan sering diperkatakan oleh masyarakat. Kesan daripada itu, masyarakat mempunyai tanggapan bahawa sistem pendidikan kita gagal melahirkan warganegara sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

4. Bertentangan dengan tanggapan umum, Kementerian Pendidikan Malaysia sering mengeluarkan kenyataan bahawa masalah disiplin murid masih terkawal dan tidak membimbangkan. Pendirian Kementerian adalah berasas, memandangkan maklumat tentang kes-kes salah laku yang diterima dari sekolah tidak menunjukkan peningkatan. Namun begitu, sikap menunggu sehingga keadaan menjadi serius hendaklah dielakkan. Membanteras salah laku disiplin di peringkat awal adalah jauh lebih baik daripada mengambil sikap tunggu dan lihat. Sebarang masalah disiplin dan perlakuan negatif hendaklah dikenal pasti dan tindakan mengatasinya wajar dilakukan dengan kadar segera.

5. Kementerian Pendidikan Malaysia memandang berat tentang adanya segelintir sekolah yang cuba memaparkan imej yang bersih, walaupun pada realitinya tidak sedemikian. Sehubungan dengan itu, adalah diingatkan supaya semua kes salah laku murid tidak dirahsiakan atas apa jua alasan sekalipun, termasuk untuk menjaga kredibiliti Pengetua, Guru Besar atau imej dan reputasi sekolah. Saluran dan tatacara pemakluman yang sedia ada hendaklah dipatuhi.

6. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Tuan adalah dipohon untuk memaklumkan kandungan surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar. Surat Pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 16/1998: Menangani Masalah Gengster Di Sekolah dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/1999: Panduan Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah Di Sekolah Menengah.**

Sekian. Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' SERI DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan
 5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 9. Ketua Nazir Sekolah
 10. Pegawai Perhubungan Awam